

04/05/2004

`Jawatan penting parti tidak perlu dipertanding selamanya'

GEORGETOWN: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti itu tidak perlu dipertandingkan buat selama-lamanya.

Beliau mengulangi pandangannya kerana ia sudah menjadi tradisi Umno, dua jawatan itu tidak dipertandingkan atau dicabar pada pemilihan parti kerana ia kaedah terbaik untuk mengelakkan perpecahan.

"Kalau boleh jawatan presiden dan timbalan tidak dipertandingkan sampai mati," katanya ketika ditanya pendiriannya berikutan ada permintaan di kalangan ahli Umno supaya semua jawatan termasuk Presiden dan Timbalan Presiden boleh dipertandingkan semula.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Umno perlu mengekalkan tradisinya iaitu sepakat bagi memilih seseorang sebagai Timbalan Presiden tanpa sebarang pertandingan.

"Mengikut tradisi Umno, kita putuskan peralihan kepemimpinan Umno pada peringkat Timbalan dan kalau belum ada (calon) maka kita akan memilih seorang.

"Selepas memilihnya, tidak ada sesiapa yang harus cabar supaya Timbalan dengan secara licin dapat mengambil alih tempat Presiden.

"Pada masa ini, kita ada Timbalan tetapi menjadi Pemangku Presiden dan ada kekosongan jawatan Timbalan dan bolehlah diadakan pemilihan.

"Namun demikian untuk menjaga supaya parti tidak berpecah, adalah lebih baik kalau kata sepakat dicapai untuk memilih seorang tertentu sebagai Timbalan tanpa pertandingan.

"Yang lain boleh bertanding, Naib Presiden boleh bertandinglah," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucap taja bertajuk `Dasar Antartika: Apakah Peranan Negara Membangun di Antartika' sempena Seminar Antarabangsa Malaysia mengenai Antartika anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di Hotel Parkroyal, Batu Feringgi, semalam.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir yang turut diminta mengulas mengenai beberapa kelemahan yang timbul ketika pilihan raya umum lalu berkata, sistem yang cuba diperkenalkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah baik.

"Beberapa masalah dan kepincangan yang wujud adalah disebabkan faktor manusia," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, pembabitan Malaysia dalam penyelidikan di Antartika akan lebih bermakna jika negara menjadi anggota Mesyuarat Perundingan Sistem Triti Antartika (ATS).

Katanya, jika tidak menjadi anggota ATS, matlamat negara dalam program penyelidikan di Antartika sukar dicapai.

Beliau berkata, tanpa penyertaan dalam ATS, ia sedikit sebanyak akan menjejaskan Program Penyelidikan Antartika Malaysia (PPAM) seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9).

"Sebagai negara membangun, Malaysia sudah mempunyai tempat secara diplomatik untuk membincangkan persoalan berkenaan Antartika di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Malaysia juga berjaya membuktikan menerusi kerjasama dua hala dengan negara anggota ATS, kita dapat turut serta dalam penyelidikan Antartika," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara Islam juga sepatutnya bekerjasama dalam usaha penyelidikan di Antartika kerana sehingga kini hanya segelintir saja negara Islam yang menunjukkan minat termasuk Malaysia.

(END)